

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan projek perumahan Mesra Rakyat; dan
- (b) bilangan permohonan yang telah diluluskan dan diterima dari negeri Sarawak khususnya di Kota Samarahan untuk tempoh dari tahun 2018 sehingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk meneruskan **Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Setakat ini, sebanyak **47,714 unit telah siap dibina** di seluruh negara. Program ini adalah bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah (B40) untuk membina rumah di atas tanah sendiri berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Berdasarkan statistik dari tahun 2002 sehingga 30 September 2021, sebanyak **87,893** permohonan telah diterima di seluruh negara di mana sebanyak **54,459 (62%)** permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah yang telah diluluskan tersebut, **47,714** unit telah disiapkan, **4,824** unit sedang dibina dan bakinya **1,921** unit dalam peringkat perancangan.

Jawapan (b)

Berdasarkan rekod dari **tahun 2018 hingga 30 September 2021**, sebanyak **834** unit permohonan telah lengkap diterima di seluruh Sarawak di mana sebanyak **398 (48%)** permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah yang telah diluluskan tersebut, **318 unit** telah disiapkan, **64** unit sedang dibina dan bakinya **16** unit dalam peringkat perancangan.

Bagi kawasan di parlimen **Kota Samarahan** pula, sebanyak **105** unit permohonan telah lengkap diterima di mana sebanyak **44 (42%)** permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah yang telah diluluskan tersebut, **37** unit telah disiapkan, **5** unit sedang dibina dan bakinya **2** unit dalam peringkat perancangan.

Sekian, terima kasih.